

Nama: _____ Kelas: _____

Penjodoh Bilangan

AKTIVITI 2

Baca nota di bawah sebelum menjawab soalan.

batang

menunjukkan benda
yang panjang
Contoh : galah,
pensel, sungai, lilin



helai

benda yang nipis,
lembut dan lebar
Contoh : baju, kain,
rambut, kertas



bilah

benda yang tajam
dan runcing
Contoh : gunting,
keris, kapak, parang,
pisau, sabit, jarum




keping

benda yang rata,
nipis dan pipih
Contoh : syiling,
biskut, kad, roti



Nyatakan penjodoh bilangan bagi objek di bawah:

Taipkan jawapan.

batang	potong	helai	bilah	keping
				
				
				
				
				

Lengkapkan latihan di bawah dengan penjodoh bilangan yang sesuai. Taipkan jawapan.

batang	potong	helai	bilah	keping
--------	--------	-------	-------	--------

1. Terdapat se_____ tiang lampu di tepi jalan.
2. Ibu membeli dua _____ baju baharu untuk abang dan adik.
3. Se_____ pokok telah tumbang di tengah jalan.
4. Nenek minum kopi sambil makan se_____ biskut.
5. Kakak menghulurkan Mak Cik Mary se_____ kek coklat.
6. Aina menggunakan beberapa _____ kertas untuk melipat kapal terbang.
7. Pak Kalim menebang pokok dengan se_____ kapak yang tajam.
8. Wan Ling mengambil tiga _____ kuih lapis.
9. Ayah sedang melihat se_____ gambar.
10. Puan Nona mencuci se_____ pisau selepas memotong ayam.